

21 JUN 2004
KONSORTIUM-PRESTASI/I
KONSORTIUM JANGKA PRESTASI LEBIH BAIK

PETALING JAYA, 21 Jun (Bernama) -- Konsortium Logistik Bhd pasti ia dapat mencapai prestasi lebih baik tahun ini, tetapi sama ada akan meraih keuntungan atau terus mengalami kerugian masih belum dapat ditentukan, kata presiden dan pengerusi eksekutifnya, Mirzan Mahathir.

"Kami akan berusaha keras untuk kembali mencatat keuntungan, tetapi agak sukar untuk menyatakannya pada peringkat ini," katanya pada sidang media yang diadakan selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu hari ini.

Konsortium mencatat kerugian selepas cukai sebanyak RM3.017 juta berikutan pendapatan sebanyak RM45.203 juta bagi suku pertama berakhir 31 Mac, 2004, dan ini adalah bertentangan dengan keuntungan selepas cukai sebanyak RM256,000 hasil daripada pendapatan sebanyak RM48.887 juta yang dicatat dalam tempoh yang sama tahun 2003.

Biarpun mengakui keputusan suku pertama tidak memuaskan, namun Mirzan berkata, keputusan itu tidak mencerminkan prestasi bagi keseluruhan tahun.

Dalam tempoh itu, tarif kereta belum diselesaikan dan ia juga merupakan tempoh sebelum pilihan raya, katanya.

Beliau berkata, kumpulan itu tidak menjangka ketidaktentuan mengenai tarif kereta boleh mendatangkan kesan yang begitu buruk ke atas permintaan bagi kereta tahun lalu.

Bagi tahun berakhir 31 Dis, 2003, Konsortium mencatat kerugian selepas cukai berjumlah RM38.2 juta daripada pendapatan sebanyak RM211 juta.

Mirzan berkata, hanya sebahagian kecil pendapatan kumpulan itu diraih daripada operasi luar negara.

Katanya, beliau ingin melihat operasi luar negara menyumbang kira-kira seper empat daripada pendapatan kumpulan dalam tiga hingga lima tahun akan datang.

Kata beliau, menjelang akhir bulan ini, Konsortium akan menyelesaikan urusan pembelian 49 peratus kepentingan dalam Silver Line Cargo Co Ltd, Thailand, daripada Thai Summit Auto Parts Industry Co Ltd dengan harga RM547,000.

Silver Line terlibat dalam penyelarasan perkhidmatan logistik bagi Thai Summit Auto, kumpulan pengeluar komponen kereta terbesar di Thailand.

Mirzan berkata, Konsortium akan menyediakan kepakaran dalam logistik kereta kepada Silver Line, mula-mula bagi Thai Summit Group dan kemudian bagi pihak-pihak di luar kumpulan itu.

Katanya, Konsortium juga sedang mempertimbangkan untuk membuka sebuah pejabat wakil di China dalam beberapa bulan akan datang.

China sememangnya merupakan sebuah pasaran yang besar, tetapi ia memerlukan komitmen yang juga sangat besar, tegasnya.

"Kami perlu mula bertapak di sana dengan melabur dalam pejabat wakil terlebih dahulu sebelum bergerak lebih jauh," katanya.

Menyentuh tentang industri pengangkutan kontena darat di dalam negara, beliau berkata, cara kadar tarif dikira perlu diubah.

Mirzan berkata, beliau telah menemui dan berbincang dengan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohamed Khaled Nordin, mengenai perkara tersebut.

"Kami kehilangan keupayaan untuk melabur semula disebabkan oleh kejatuhan mendadak kadar tarif," katanya sambil menambah bahawa kepala lori dan treler adalah kelengkapan mekanikal yang menjadi lusuh selepas beberapa lama digunakan.

Beliau berkata, tanpa pelaburan semula, industri ini akan dipenuhi

dengan kepala lori dan treler yang uzur, dan ini mengakibatkan kos
penyenggaraan yang lebih tinggi manakala perkhidmatannya kurang berkualiti.

Penggabungan dalam industri ini juga tidak dapat dielakkan, katanya
lagi. -- BERNAMA

MSL SD KY